

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedar dan prihatin bahawa impak pandemik COVID-19 adalah serius. Dalam tempoh yang tidak menentu ini, pekerja dan majikan yang terkesan amat memerlukan sokongan dan bantuan.

Bagi membantu majikan-majikan mengekalkan pekerja mereka dan mengawal pengurangan bilangan pekerja yang diberhentikan oleh syarikat, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi seperti PRIHATIN, PENJANA dan PEMULIH.**

Di bawah pakej tersebut, Program Subsidi Upah (PSU) diperkenalkan untuk membantu majikan mengekalkan pekerja mereka dan Kerajaan telah memperuntukkan **15.3 bilion ringgit untuk melaksanakan PSU 1.0 dan sejumlah 2.4 bilion ringgit bagi PSU 2.0.**

Seterusnya melalui Belanjawan 2021, Kerajaan memperuntukkan **1.5 bilion ringgit bagi pelaksanaan PSU 3.0 selama tiga (3) bulan lagi** secara lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan dan peruncitan, dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah.

Selain itu, **had 200 pekerja** bagi setiap permohonan ditingkatkan kepada **500 pekerja** bagi syarikat-syarikat besar di bawah sektor pelancongan. PSU 3.0 dijangka dapat membantu kira-kira **70 ribu majikan dan 900 ribu pekerja.**

Bantuan kewangan di bawah PSU telah berjaya mengurangkan jumlah kes kehilangan pekerjaan **pada tahun 2020 iaitu seramai 107,024 orang. Setakat 20 Ogos 2021, hanya mencatatkan 43,924** orang kehilangan pekerjaan. Sekiranya tiada bantuan PSU, pekerja yang akan kehilangan pekerjaan mungkin jauh lebih tinggi seperti yang berlaku di negara-negara lain.

Pakej terbaharu yang diumumkan oleh Kerajaan iaitu **Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** merupakan *Road Map* peralihan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa. Di bawah PEMULIH, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO melaksanakan beberapa inisiatif untuk tempoh mulai 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 seperti berikut:

**a) Program Subsidi Upah 4.0**

Program ini melibatkan peruntukan sebanyak **RM3.8 bilion dengan lebih 2.5 juta pekerja dijangka menerima manfaat** untuk membantu majikan mengurangkan kos operasi perniagaan. Semua majikan boleh memohon untuk semua pekerja tanpa had gaji tetapi terhad sehingga 500 pekerja.

Kadar subsidi yang dibayar adalah **sebanyak RM600 sebulan** bagi setiap pekerja selama dua (2) bulan untuk semua sektor ekonomi (Fasa 2) dan dua (2) bulan tambahan untuk sektor dalam senarai negatif (Fasa 3).

**b) Program Penjana Kerjaya 3.0**

Program ini bertujuan menyediakan peluang kerjaya menerusi empat (4) program berikut:

i. **Malaysianization** yang bertujuan untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan dengan mengurangkan had kelayakan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,200.

ii. **Golongan mudah terjejas** yang memberi dorongan kepada majikan untuk membuat pengambilan kategori pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan dengan tempoh kontrak penggajian dikurangkan daripada satu (1) tahun kepada enam (6) bulan.

iii. **Program KerjayaGig** merupakan perluasan insentif

## SOALAN NO : 21

pengambilan pekerja meliputi pekerjaan gig atau sementara untuk golongan penganggur tegar **lebih daripada 180 hari**.

Majikan atau Penyedia Platform yang berdaftar dengan PERKESO mendapat **bantuan RM 200** bagi setiap pekerja yang digajikan. Manakala pekerja pula menerima **RM 600 sebulan sehingga tempoh maksimum enam (6) bulan**.

iv. **Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS)** diberikan secara *one-off* bagi penempatan pekerja berkemahiran rendah. Kadar bayaran insentif adalah seperti berikut:

- RM 300 untuk penempatan pekerja dengan tawaran gaji RM 4,000 dan ke atas
- RM 200 untuk penempatan pekerja dengan tawaran gaji RM 3,000 dan ke atas
- RM 100 untuk penempatan pekerja dengan tawaran gaji RM 3,000 dan ke bawah

c) **Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)**

Program ini khusus kepada golongan yang tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan iaitu golongan menganggur dan aktif mencari pekerjaan melalui portal MyFutureJobs. Melalui EMP, kumpulan ini layak menerima **elaun RM300 sebulan** jika menghadiri tiga (3) sesi temu duga dalam tempoh 30 hari dan akan turut dibayar **RM400 secara one-off** sekiranya berjaya mendapat pekerjaan pada bulan kedua.